



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERANAN SEKOLAH DALAM  
MENGGALAKKAN PENGLIBATAN KELUARGA**

**ROSNINAH BINTI HJ. GHANI**

**FPP 1999 66**

**PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERANAN SEKOLAH DALAM  
MENGGALAKKAN PENGLIBATAN KELUARGA**

**OLEH  
ROSNINAH BINTI HJ. GHANI**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1999**



**PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERANAN SEKOLAH DALAM  
MENGGALAKKAN PENGLIBATAN KELUARGA**

Oleh  
**ROSNINAH BINTI HJ. GHANI**

Kertas Projek Penyelidikan Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Syarat bagi Mendapatkan Ijazah Master Sains Di Fakulti Pengajian  
Pendidikan Universiti Putra Malaysia

Februari 1999



## PENGHARGAAN

### KHUSUS BUAT:

*Ayahanda HJ. ABD. GHANI HJ. MATAHIR*

*Bonda HAJAH BAIKAH OLEH*

*Kekanda RAHMAH HJ. ABD. GHANI dan SUAMI*

*Adinda FARHIYAH dan SABARUDDIN*

*Anak Buahku MOHD. RASYDAN dan RASYIDAH SALWANI*

*Makcik KEDERIAH dan KELUARGA*

*Kekanda AHMAD ROSMAN RABU*

## PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t di atas segala rahmat dan redanya maka dapatlah saya menghasilkan kajian ini walaupun telah melalui pelbagai rintangan dan dugaan.

Penghargaan khas buat penyelia projek, Dr. Foo Say Fooi di atas kesabaran dan komitmennya semasa membimbing dan memberi tunjuk ajar semasa membuat kajian ini. Segala ilmu yang diberikan amat bermakna untuk masa hadapan.

Ucapan terima kasih kepada Dr. Mohd. Majid Konting di atas kesabarannya di dalam memberikan panduan dan nasihat dari segi penggunaan statistik untuk kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Negeri Sabah yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Para pentadbir dan guru-guru sekolah yang terlibat di dalam memberikan respon yang amat bermakna untuk penghasilan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah yang telah membimbing dan membekalkan pengetahuan yang amat berguna semasa pengajian di UPM.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan pusat pengajian siswazah UPM dan juga pusat pengajian siswazah Fakulti Pengajian Pendidikan di atas komitmen yang ditunjukkan. Kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti (UPM, UKM dan UM) di atas bimbingan semasa menggunakan sumber-sumber di perpustakaan untuk kegunaan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga tercinta yang telah banyak berkorban sepanjang pengajian di UPM. Akhir sekali terima kasih diucapkan kepada Man, Pah, Siti, Sue, Eton, Nita, Nana, Norm serta rakan-rakan yang lain di atas sokongan dan suntikan semangat yang amat diperlukan. Semoga hasil kajian ini dapat menghasilkan masyarakat 'Madani'

## KANDUNGAN

Penghargaan	i
Prakata	ii
Senarai Rajah	vii
Abstrak	ix
Abstract	xi
BAB	
1 PENGENALAN	
Latar belakang kajian	1
Pernyataan masalah	6
Objektif kajian	7
Definisi Operasional	8
Limitasi kajian	9
Kepentingan kajian	10
2 KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN	
Kepentingan penglibatan keluarga	12
Peranan pentadbir dan pendidik	16
Model penglibatan keluarga mengikut Epstein	19
Keibubapaan	20
Komunikasi	21
Sukarela	22
Pembelajaran di rumah	23
Membuat keputusan	25
Kerjasama dengan komuniti	26
Isu dan kaedah komunikasi di antara sekolah dan keluarga	27

Cabaran-cabaran terhadap penglibatan keluarga	29
<b>3 METODOLOGI</b>	
Rekabentuk kajian	32
Populasi dan persampelan	32
Instrumen kajian	34
Prosedur pengumpulan data	35
Penganalisisan data	37
<b>4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KEPUTUSAN</b>	
Latar belakang responden	39
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek keibubapaan	43
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek komunikasi	46
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek sukarela	49
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek pembelajaran di rumah	51
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek membuat keputusan	53
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek kerjasama dengan komuniti	55
Mengenalpasti jenis penglibatan keluarga yang lebih menonjol digunakan oleh pihak sekolah	58

Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan keluarga	60
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap isu-isu yang sering dibincangkan di antara pihak sekolah dan keluarga	62
Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap tahap penglibatan keluarga dalam beberapa aktiviti tertentu	64
Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penglibatan keluarga dalam aktiviti-aktiviti tertentu	67
<b>5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
Rumusan	69
Perbincangan	71
Cadangan	78
Cadangan untuk kajian akan datang	80
Penutup	81
<b>BIBLIOGRAFI</b>	82
<b>LAMPIRAN</b>	
A Senarai sampel	86
B Senarai penyemak soal selidik	87
C Soal selidik	88
D Surat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan	95
E Surat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri	97
<b>BIOGRAFI</b>	98
<b>PENGESAHAN</b>	99

## SENARAI RAJAH

RAJAH		Muka surat
1	10 Jenis salah laku yang paling kerap dilakukan oleh murid sekolah rendah sepanjang 1995	13
2	Frekuensi dan peratus latar belakang responden	42
3	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek keibubapaan	45
4	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek komunikasi	47
5	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek sukarela	50
6	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek pembelajaran di rumah	52
7	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek membuat keputusan	54
8	Frekuensi dan peratus persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam mengalakkan penglibatan keluarga dari aspek kerjasama dengan komuniti	57
9	Min dan sisihan piawai enam jenis penglibatan keluarga	59

10	Min dan sisihan piawai persepsi guru-guru terhadap kaedah yang digunakan oleh pihak sekolah untuk berkomunikasi dengan keluarga	61
11	Min dan sisihan piawai persepsi guru-guru terhadap isu-isu yang sering dibincangkan di antara keluarga dan pihak sekolah	63
12	Min dan sisihan piawai persepsi guru-guru terhadap tahap penglibatan keluarga di dalam aktiviti-aktiviti tertentu	65

Abstrak projek kajian yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERANAN SEKOLAH DALAM MENGGALAKKAN PENGLIBATAN KELUARGA**

Oleh  
ROSNINAH BINTI HJ. GHANI  
Mac, 1999

Penyelia : DR. FOO SAY FOOI  
Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan

Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti peranan sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga,. Kajian berbentuk deskriptif ini menggunakan soalselidik sebagai instrumen untuk mendapatkan persepsi guru-guru sekolah rendah terhadap (1) peranan sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga (2) kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan keluarga (3) isu-isu yang sering dibincangkan bersama keluarga dan (4) tahap penglibatan keluarga terhadap aktiviti-aktiviti pembelajaran anak-anak.

Pemilihan sampel ialah melalui kaedah persampelan kelompok. Sebanyak 18 buah sekolah rendah telah dipilih. Seramai 304 orang guru daripada 18 buah sekolah yang dipilih terlibat sebagai responden kajian. Statistik deskriptif dengan menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai untuk menganalisis data.

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut: (1) sekolah ada menjalankan aktiviti yang menggalakkan penglibatan keluarga mengikut enam jenis penglibatan keluarga dari model Epstein walau bagaimanapun aktiviti yang dijalankan adalah terhad (2) Sekolah kerap menggalakkan keluarga untuk menyumbangkan idea dan terlibat di dalam membuat keputusan (3) Sekolah menggalakkan keluarga untuk kerap berkomunikasi dengan pihak sekolah tetapi sekolah tidak berusaha untuk mempelbagaikan kaedah yang digunakan (4) Isu-isu yang dibincangkan di antara pihak sekolah dan keluarga tertumpu pada persekitaran sekolah berbanding dengan akademik pelajar (5) Sekolah menggalakkan keluarga untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di luar kelas dan pembelajaran di rumah berbanding dengan aktiviti - aktiviti di dalam kelas (6) Sekolah ada memainkan peranan untuk mendekati keluarga yang tidak melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti di sekolah (7) Faktor-faktor yang berkaitan dengan masalah kerjasama, jarak, masa, SES, politik dan budaya, kemudahan infrastruktur, taraf pendidikan keluarga serta sikap pentadbir merupakan halangan kepada penglibatan keluarga (8) Sekolah tidak memainkan peranan yang lain di dalam menggalakkan penglibatan keluarga selain dari enam jenis penglibatan keluarga dari model Epstein

Dapatan kajian mencadangkan agar pihak sekolah mempelbagaikan aktiviti untuk menggalakkan penglibatan keluarga di samping memberi pengetahuan kepada keluarga tentang kepentingan penglibatan keluarga.

Abstract of thesis submitted to the Faculty of Educational Studies Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master Of Science

**TEACHERS' PERCEPTION TOWARDS THE ROLE OF SCHOOLS IN  
SOLICITING PARENT INVOLVEMENT**

By

**ROSNINAH BINTI HJ GHANI**

Mac 1999

Chairman	DR FOO SAY FOOI
Faculty	Faculty of Educational Studies

The objective of this research is to identify the role of the school in encouraging parent involvement. Questionnaires are used as an instrument in this research in getting primary teachers' perception on (1) The role of the school in encouraging parent involvement (2) Methods used in communicating with parents (3) Issues that always being discussed with the parents (4) Parents involvement in their children's learning activities.

Samples are chosen by group sampling method, 304 teachers out of 18 schools had been chosen as respondents. Descriptive statistics using frequency, percentage, mean and standard deviation is used to analyze the data.

The results are as follows (1) Schools had conducted some activities in encouraging parent involvement in six types of parent involvement using Epstein model but the activities are limited (2) Schools often encourage parents to give new ideas and get involved in making decision (3) Schools encouraged parents to often communicate with the school but the school didn't take the initiative to organize many methods (4) Issues discussed between the school and parents are more concern on school environment rather than academics matters (5) School encouraged parents to get involved with outdoor activities and studying at home rather than activities in the class (6) In the case of far-to-reach parents, school had played its role to overcome this matter (7) Problem relating to cooperation, time, SES, politics and culture, infrastructure facilities, parents education background and school administrator attitude are the main obstruction to parent involvement (8) Schools do not play other roles in encouraging parent involvement besides six types of parent involvement taken from Epstein model.

From the research, the school board are advised to have more activities to encourage parent involvement besides giving information to parents the importance of parent involvement.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### Latar belakang kajian

Pendidikan merupakan aspek yang sangat dititikberatkan kepada kanak-kanak di Malaysia. Bermula daripada Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 sehingga kini menekankan kepentingan sistem pendidikan kebangsaan untuk mewujudkan perpaduan negara dan menghasilkan tenaga rakyat.

Sistem persekolahan di Malaysia mementingkan disiplin di kalangan pelajar untuk melahirkan masyarakat yang bertatasusila, bersatupadu, demokratik, adil, liberal dan progresif. Maka untuk mencapai matlamat tersebut, pengaruh daripada alam sekitar dan masyarakat adalah penting untuk pembentukan disiplin pelajar. Sekolah sebagai sebuah agen sosialisasi kepada pelajar perlu menggalakkan hubungan yang rapat antara keluarga, rumah dan masyarakat untuk mewujudkan hubungan timbal balik di antara guru-guru dengan ibu bapa (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Hayden dan Mellor (1981) menyatakan bahawa sekolah juga mestilah memenuhi keperluan persekitaran keluarga dan masyarakat untuk menggalakkan pelajar memasuki sekolah mereka.

Kanak-kanak merupakan satu kumpulan individu yang dinamis, sentiasa berubah dan boleh berubah. Apa yang akan terjadi pada masa akan datang bergantung kepada apa yang mempengaruhi perkembangan mereka. Sebelum berlakunya keadaan yang tidak boleh

diubah dan dilentur lagi, maka adalah penting bagi setiap ibu bapa dan pendidik untuk menggunakan masa perkembangan kanak-kanak ini dengan memberikan didikan dan bimbingan yang sebaik-baiknya untuk membentuk generasi masa depan yang boleh dibanggakan (Kasmini Kassim, 1987).

Kebahagiaan sesuatu keluarga itu amat bergantung kepada bagaimana kedua-dua ibu bapa ini menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing. Daripada sudut pandangan Islam, keluarga merupakan institusi terpenting. Institusi ini bertanggungjawab melahir, mendidik, mengasuh dan membesarkan anggota masyarakat yang ada agar pada suatu masa yang akan datang menjadi warganegara yang berwibawa. Menurut Asmawati dan Norhalim (1996) keutuhan dan kerapuhan institusi keluarga mempunyai kesan langsung yang mendalam ke atas keutuhan bangsa, rakyat dan negara. Oleh itu peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam konteks keluarga amat berat.

Keluarga pada zaman 90-an ini terdiri daripada golongan keluarga yang bekerja. Maka tugas mengasuh, mendidik dan memberi kasih sayang terpaksa dipikul oleh pengasuh atau orang gaji. Kepincangan berlaku akibat kegagalan ibu bapa menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka dengan betul. Ini adalah kerana tugas mendisiplinkan anak, menyelami dan memahami perasaan anak, memberi pendidikan agama dan membina satu hubungan yang harmonis dan seimbang dibebankan kepada orang lain. Keadaan ini mengakibatkan timbulnya masalah sosial di kalangan remaja hari ini (Zalina Yahaya, 1997).

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga menyatakan bahawa ibu bapa perlu berusaha mengukuhkan lagi sistem kekeluargaan selain memastikan didikan agama yang secukupnya bagi mencegah anak-anak daripada terjerumus dalam masalah sosial. Beliau juga menyarankan agar para guru dan jiran bekerjasama untuk menangani masalah tersebut (Utusan Malaysia, 22 Ogos 1996).

Kementerian Pendidikan merupakan badan yang bertanggungjawab memastikan sistem pendidikan di Malaysia berjalan lancar. Pelbagai langkah telah diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul di antara pelajar dengan sekolah. Konsep 'Zero Defect' yang telah diperkenalkan bertujuan untuk memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti sehingga tercapai paras sifar kegagalan, sifar masalah disiplin, sifar masalah ponteng, sifar masalah moral, sifar masalah vandalisme dan lain-lain (Seminar Pengisian Wawasan Pendidikan, 1993). Namun kejayaan dan kegagalan konsep ini bergantung kepada peranan para pentadbir sekolah di samping sokongan daripada ibu bapa untuk melaksanakannya di sekolah dengan lebih berkesan.

Perubahan ke arah zaman teknologi maklumat kini memaksa pihak pendidik menghasilkan murid-murid yang lebih progresif dan kreatif pemikirannya. Langkah Kementerian menubuhkan sekolah Bestari bukan bermakna melupakan peranan keluarga dan masyarakat tetapi lebih memerlukan lagi kerjasama erat daripada ibu bapa untuk menjayakan wawasan negara yang ingin melahirkan masyarakat yang berpengetahuan

dalam teknologi maklumat (Berita Harian, 5 Mac 1998). Kerjasama di antara masyarakat dan pihak sekolah sememangnya perlu untuk bersama-sama membanteras masalah yang timbul di kalangan pelajar sekolah. Perubahan zaman berlaku seiring dengan perubahan sosial maka sudah tentu keadaan ini akan mengakibatkan keruntuhan nilai-nilai tradisi sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan agar sistem pendidikan yang ada sekarang ini perlu diubah agar pendidikan di abad ke-21 lebih bersifat terbuka dan fleksibel. Sistem pendidikan abad ke-21 juga harus berupaya membuat penyesuaian kepada corak kehidupan masyarakat yang berubah kerana belajar dan bekerja tidak lagi wujud secara terpisah, sebaliknya bersifat terjalin (Mohd.Fuad Razali, 1998). Oleh kerana pendidikan bersifat luas dan menyeluruh, dan kesannya dirasai oleh semua golongan masyarakat, penglibatan dan kerjasama rapat antara ibu bapa dengan guru-guru adalah penting. Pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan memerlukan sokongan moral, bantuan kewangan dan sumbangan tenaga bakti ibu bapa (Kamarudin Hj.Kachar, 1989).

Pembinaan muafakat di antara sekolah dan keluarga memerlukan pemangkin sebagai penggerak ke arah kejayaan kemuaufakatan. Menurut Ballen dan Moles (1994) sekolah mestilah menjadi tempat yang menyediakan persekitaran yang menggalakkan keluarga untuk datang dan mengenali segala usaha dan kekuatan sekolah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau PIBG merupakan platform kepada keluarga untuk terlibat secara aktif di dalam kegiatan sekolah. Mereka boleh menyumbangkan tenaga, masa, kepakaran,

pemikiran dan juga kewangan untuk menjayakan program-program yang dianjurkan PIBG Berdasarkan kepada fungsi PIBG dalam pendidikan, keluarga boleh memberi sumbangan dalam pelbagai bidang seperti akademik, ko-kurikulum, kerjaya, rekreasi, kebajikan, keselamatan, disiplin, bimbingan dan runding cara, kewangan dan peningkatan iklim sekolah (Tajul Ariffin Noordin, 1993).

Menurut Rutherford dan Edgar (1979) jika keluarga sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan pendidikan pelajar maka sudah tentu keluarga akan turut memainkan peranan di dalam proses pendidikan di sekolah. Maka pihak pentadbir sekolah perlu mencari jalan untuk menggalakkan penglibatan tersebut. Menurut Davies (1991) selain daripada pembentukan PIBG, sekolah boleh mengadakan program lawatan ke rumah dan menubuhkan kumpulan penyelidik untuk meningkatkan penglibatan tersebut. Kaedah yang dicadangkan oleh Rutherford dan Edgar (1979) termasuk menganjurkan seminar penyelesaian masalah, mengadakan lawatan ke rumah, menggalakkan penglibatan di dalam bilik darjah, mendekati keluarga yang tidak melibatkan diri, menubuhkan Persatuan Ibu Bapa Guru dan membentuk polisi tentang tanggungjawab keluarga untuk melibatkan diri di dalam pembelajaran anak-anak agar mereka sentiasa melibatkan diri di dalam setiap aktiviti yang dianjurkan di sekolah. Menurut beliau kejayaan kerjasama tersebut bergantung kepada (1) tahap kepercayaan di antara guru dengan keluarga (2) Kesanggupan guru-guru dan keluarga mengikuti proses kerjasama dan (3) Kemahiran guru-guru untuk menjayakan proses kerjasama tersebut. Faktor-faktor tersebut jelas menentukan kepentingan sekolah menggalakkan penglibatan keluarga.

Pihak keluarga juga perlu memainkan peranan untuk mengetahui perkembangan pelajaran anak-anak di sekolah Menurut Bean (1992) keluarga boleh mewujudkan kerjasama dengan pihak sekolah melalui (1) menjadi ahli PIBG (2) menjadi pembantu kepada guru-guru (3) menjadi pembantu pengajar dan (4) menjadi sukarela untuk program sekolah. Usaha-usaha tersebut bukan sahaja memudahkan tugas pihak sekolah tetapi dapat memberikan kesan kepada pembangunan kendiri palajar.

Model penglibatan keluarga yang telah dibentuk oleh Epstein (1995) melibatkan enam jenis kaedah penglibatan keluarga iaitu (a) Keibubapaan (b) Komunikasi (c) Sukarela (d) Pembelajaran di rumah (e) Pembuatan keputusan dan (f) Bekerjasama dengan komuniti. Setiap model tersebut mempunyai kesan sama ada kepada murid, guru-guru dan juga keluarga. Kajian ini cuba untuk mengaplikasikan model ini untuk melihat peranan sekolah rendah di dalam daerah Kota Belud, Sabah dalam menggalakkan penglibatan keluarga mengikut enam aspek yang terdapat di dalam model tersebut.

### Pernyataan Masalah

Pentadbir sekolah merupakan pemangkin kepada sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga Menurut Goldring (1990) peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir bergantung kepada dua perkara iaitu (a) mengurangkan jurang perbezaan antara persekitaran luar dengan sekolah melalui penyampaian maklumat dari luar kepada

organisasi sekolah (b) menghubungkan sekolah dengan persekitaran luar melalui penglibatan keluarga dan sebagainya.

Penghasilan sekolah yang berkesan bergantung kepada penglibatan keluarga terhadap pembelajaran anak-anak (Sammons, Hillman & Mortimore, 1995). Kajian yang telah dijalankan oleh Asfawaisin (1990) juga mendapati bahawa faktor penglibatan keluarga merupakan faktor utama dalam mempengaruhi tahap pencapaian akademik yang lebih baik bagi kanak-kanak di Malaysia.

Peranan sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga di Malaysia masih berada di tahap yang sederhana (Jennifer, 1995). Interaksi di antara keluarga dan guru-guru pula tidak berkesan terutama di dalam masyarakat yang mundur dari segi sosial dan kebudayaan (Balasubramaniam, 1980). Oleh itu kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga di kawasan pedalaman dengan berpandukan kepada enam jenis penglibatan keluarga model Epstein.

### Objektif Kajian

Kajian deskriptif ini secara umumnya bertujuan untuk mengenalpasti peranan sekolah rendah dalam menggalakkan penglibatan keluarga terhadap aktiviti-aktiviti yang diadakan di sekolah. Komunikasi di antara keluarga dengan pihak sekolah dikaji kerana

penyelidik berpendapat kejayaan kerjasama di antara keluarga dengan pihak sekolah bergantung kepada aspek komunikasi. Di antara objektif khusus kajian yang telah dijalankan ini ialah untuk :

1. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap peranan sekolah di dalam menggalakkan penglibatan keluarga mengikut enam jenis penglibatan keluarga model Epstein
2. Mengenalpasti jenis penglibatan keluarga yang lebih menonjol digunakan oleh pihak sekolah
3. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan keluarga
4. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap isu-isu yang sering dibincangkan di antara pihak sekolah dan keluarga
5. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap tahap penglibatan keluarga di dalam beberapa aktiviti tertentu
6. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap faktor-faktor yang menghalang penglibatan keluarga di dalam aktiviti-aktiviti sekolah

#### Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini iaitu :

## **Persepsi guru-guru**

Pandangan atau tanggapan guru-guru tentang peranan yang telah dimainkan oleh pihak sekolah dari segi menggalakkan penglibatan keluarga mengikut enam jenis penglibatan keluarga model Epstein, kaedah yang digunakan untuk berkomunikasi dengan keluarga, isu-isu yang sering dibincangkan di antara keluarga dan pihak sekolah serta tahap penglibatan keluarga di dalam aktiviti-aktiviti sekolah.

## **Peranan sekolah**

Peranan sekolah bergantung kepada tugas dan tanggungjawab pentadbir sekolah untuk mewujudkan aktiviti-aktiviti atau menyediakan persekitaran yang boleh menggalakkan penglibatan keluarga. Peranan sekolah diukur melalui persepsi guru-guru terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah berdasarkan enam jenis penglibatan keluarga model Epstein.

## **Penglibatan keluarga**

Penglibatan keluarga di dalam kajian ini ialah peranan keluarga dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah.

## **Limitasi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Rendah dalam daerah Kota Belud sahaja memandangkan keadaan kewangan dan masa yang agak terbatas. Penggunaan sampel

adalah daripada guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dalam daerah Kota Belud sahaja. Soal selidik untuk penyelidikan ini juga pertama kali digunakan di Sabah maka terdapat limitasi dari segi keputusan yang diperolehi. Jenis penglibatan keluarga yang dikaji berdasarkan kepada jenis penglibatan keluarga di sekolah terpilih maka soal selidik yang telah dibina diubahsuai mengikut kesesuaian persekitaran kawasan kajian. Oleh itu segala keputusan yang diperolehi hanya terbatas kepada kawasan di sekitar daerah Kota Belud sahaja.

### Kepentingan Kajian

Kajian tentang kerjasama sekolah dan keluarga di Malaysia masih lagi rendah berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Keperluan tentang kajian yang mendalam di dalam bidang ini memang amat diperlukan terutamanya kepada pentadbir-pentadbir sekolah. Dengan adanya kajian ini diharap mereka dapat mewujudkan kerjasama di kalangan warga sekolah dan seterusnya membawa kepada kecemerlangan sekolah.

Tanggungjawab guru-guru juga bukan hanya tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja malah lebih kepada mewujudkan hubungan yang baik dengan keluarga dan komuniti. Kajian yang telah dijalankan ini diharap dapat memberi kesedaran kepada para guru tentang peranan mereka di dalam memastikan kecemerlangan pembelajaran murid.